

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH : 12 FEBRUARI 2016



Ahmad Zaharin bersama Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari menyerahkan tong sampah untuk kemudahan penduduk

MBSA edar 100 tong sampah kepada penduduk Seksyen 24 12/2/2016 Syukini

SHAH ALAM - Sebanyak 100 unit tong sampah diedarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kepada penduduk Seksyen 24, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahein Ahmad, berkata penyerahan tong sampah itu bertujuan memudahkan orang ramai membuang sampah secara sistematik.

Katanya, ia adalah sebahagian daripada 300 unit tong sampah yang diedarkan MBSA, diagada

Kerajaan Negeri.

"100 unit diedarkan kepada penduduk sekitar Seksyen 24 yang terletak dalam Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 8.

"Manakala 200 unit tong sampah lain diedarkan di Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 6 dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 21," katanya dalam kenyataan.

Program Penyerahan Tong Sampah Kepada Penduduk Seksyen 24, Shah Alam diimpur-

rukan Datuk Bandar MBSA, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Katanya, program itu adalah komitmen berterusan MBSA untuk memupuk sikap memelihara kebersihan dalam kalangan warga Shah Alam supaya lebih bertanggungjawab memelihara alam sekitar.

"Usaha itu diharap dapat memberi kesan kepada warga Shah Alam, sekaligus memastikan bandar raya ini sentiasa bersih dan indah," katanya.